



Headline: RM30,500 lesap terpedaya dengan nombor TAC perbankan Language: Malay
Publication/Portal: Berita Harian Section: Nasional
Date: 5 January 2022 Page: 23

RM30,500 lesap terpedaya dengan nombor TAC perbankan

Kuantan: Seorang pesara guru wanita kerugian RM30,500 selepas ditipu seorang lelaki yang dikenali sebagai Rohaizad, berkaitan penggunaan nombor kod pengesahan transaksi (TAC) perbankan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata mangsa berusia 55 tahun dari Kampung Paya Banir, Temerloh menerima WhatsApp daripada nombor tidak dikenali yang mendakwa, isterinya tersalah daftar nombor telefon untuk perbankan dalam talian.

"Mangsa menyemak mesej diterima dengan menggunakan nombor 69393 dan kemudian, menghantar dua kali nombor TAC kepada individu yang memperkenalkan diri nama Rohaizad.

"Mangsa seterusnya menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada nombor sama yang menyatakan ada transaksi pindahan wang ke dalam akaun atas nama Nor Azlin Binti Abdullah sebanyak RM30,500," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mangsa menyemak mesej diterima dengan menggunakan nombor 69393, kemudian menghantar dua kali nombor TAC kepada individu memperkenalkan diri dengan nama Rohaizad

Mohd Wazir Mohd Yusof,
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang



Mohd Wazir berkata, mangsa menghubungi pihak bank dan dimaklumkan transaksi berlaku ke atas akaun bank miliknya.

Susulan itu mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Temerloh, kelmarin.

Sementara itu, seorang

pesara kerani jabatan kerajaan berusia 66 tahun menetap di Temerloh kerugian RM7,380 selepas ditawarkan dengan pinjaman wang tidak wujud.

Mohd Wazir berkata, mangsa berbincang dengan suspek dan bersetuju membuat pinjaman sebanyak RM5,000.

Bagaimanapun, mangsa diminta membuat bayaran proses untuk mendapatkan pinjaman itu.

Katanya, mangsa membuat tujuh kali deposit tunai ke dalam akaun bank individu yang berlainan.

Jumlah keseluruhan yang mangsa masukkan RM7,380 dan laporan dibuat di IPD Temerloh semalam.

"Semalam (kelmarin), IPD Temerloh sahaja menerima tiga laporan kes penipuan membabitkan nombor TAC, pinjaman tidak wujud dan penipuan dengan kerugian lebih RM38,580.

"Kes disiasat bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh didenda jika sabit kesalahan," katanya.